

KHILAF QIRAAT DALAM SURAH AL-SAJDAH DAN HUBUNGANNYA DENGAN SAB'AH AHRUF

Abd Rahman bin Abd Ghani¹

¹Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
abdrahmanghani@fsk.upsi.edu.my

Artikel diterima: 6 Jan 2020

| Selepas Pembetulan: 29 Mei 2020

| Diterima untuk terbit 5 Jun 2020:

Abstrak

Al-Quran diturunkan oleh Allah SWT dengan sab'ah ahruf sebagaimana yang dijelaskan oleh banyak hadis sahih. Berbagai-bagai pandangan para ulama mengenai maksud sab'ah ahruf tersebut, namun yang mudah difahami ialah penurunan al-Quran ini adalah dengan kepelbagaian bacaan. Kajian ini akan memfokuskan sebuah surah dalam al-Quran iaitu surah al-Sajadah dan perkaitannya dengan sab'ah ahruf penurunan al-Quran. Kajian ini bersifat kualitatif iaitu dengan menganalisis beberapa buah kitab yang berkaitan dengan ilmu qiraat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa khilaf bacaan yang terdapat dalam surah ini adalah banyak, namun tidak terkeluar dari perbincangan ulama mengenai maksud sab'ah ahruf tersebut.

1. PENDAHULUAN

Kepelbagaian cara bacaan antara imam-imam dan perawi-perawi qiraat mempunyai hubungan yang begitu hampir dengan penurunan al-Quran daripada Allah SWT dengan tujuh huruf. Para ulama telah berselisih pendapat sama ada semua qiraat tersebut ada mempunyai tujuh huruf, ataupun setiap qiraat itu mempunyai satu atau sebahagian dari tujuh huruf tersebut sahaja.

Sebahagian ulama menyatakan bahawa setiap qiraat itu ada mempunyai satu huruf sahaja dari Tujuh Huruf tersebut, iaitu huruf Quraish (lahjah). Pendapat ini dipersetujui oleh Ibn al-Tin dan al-Harith al-Muhasabi (w. 243H). Mereka beralih kepada kata-kata sayyidina Uthman ra kepada tiga orang Quraish

yang dilantik sebagai penulis mashaf pada zamannya “Apabila kamu berselisih pendapat dengan Zaid bin Thabit, maka tulislah berdasarkan kepada lajhah Quraish, kerana al-Quran diturunkan dengan lajhah Quraish”⁵

Walau bagaimanapun jumhur ulama menyatakan bahawa semua qiraat itu masing-masing mempunyai tujuh huruf.⁶ Dengan erti kata yang lain, riwayat Qalun ada mempunyai tujuh huruf, Warsh ada mempunyai tujuh huruf, dan begitulah seterusnya pada riwayat-riwayat yang lain.

Namun setelah diteliti secara mendalam, dengan mengambil kira perselisihan para qurra’ yang berlaku dalam setiap surah dan keseluruhan al-Quran, penulis berpandangan bahawa pendapat yang kedua yang mengatakan bahawa semua qiraat itu masing-masing ada mempunyai tujuh huruf, adalah pendapat yang lebih tepat dan betul. Pendapat ini bertepatan dengan maksud tujuh huruf berdasarkan pandangan kebanyakan ulama. Adapun pandangan yang beralih kata-kata sayyidina Uthman ra itu tidak tepat, kerana maksud sayyidina Uthman ra ialah kebanyakan kalimah al-Quran itu diturunkan dalam lajhah Quraish, atau penurunan al-Quran pada peringkat permulaannya adalah dalam lajhah Quraish.⁷

2. HADIS MENGENAI SAB’AH AHRUF

Penurunan al-Quran dengan Sab’ah Ahruf (Tujuh Huruf), merupakan antara sebesar-besar dalil yang menunjukkan keagungan Allah SWT, dan ia juga memberikan satu rukhsah (keringanan) yang khusus kepada umat Arab pada ketika itu. Antara kekurangan yang terdapat dalam kalangan mereka ialah sebahagian mereka tidak dapat menuturkan sebahagian lajhah yang lain. Justeru itu sekiranya al-Quran diturunkan dengan satu lajhah (satu huruf) sahaja, sudah pasti ramai dalam kalangan mereka tidak akan mampu membaca al-Quran.

Terdapat banyak hadis yang menerangkan bahawa al-Quran itu diturunkan dengan tujuh huruf. Antara hadis sahih yang menjelaskan kenyataan ini ialah :

⁵ Dr. Muhammad Salim Muhaisin (1989).Fi Rihab al-Quran. Juz 1. Beirut : Dar al-Jail, hlm. 160 & 161.

⁶ Ibid., hlm. 164 & 165.

⁷ Ibid., hlm. 164.

Hadis pertama :

أقراني جبريل على حرف فراجعته فلم أزل أستزيده ويزيدني حتى انتهى إلى سبعة أحرف⁸

Yang bermaksud :

Jibril as telah membacakan al-Quran kepadaku dengan satu huruf, maka aku sentiasa mengulangi huruf tersebut. Tetapi aku juga sentiasa meminta supaya Jibril as menambah huruf tersebut. Akhirnya ia menambahkan huruf tersebut kepadaku sehingga selesai tujuh huruf (Sab'ah Ahruf).

Hadis Kedua

عن أبي ابن كعب أن النبي صلى الله عليه وسلم كان عند أضاة بني غفار قال : فأتاه جبريل عليه السلام قال : إن الله يأمرك أن تقرأ أمتك القرآن على حرف فقال (أسأل الله معافاته ومغفرته، وأن أمتي لا تطيق ذلك) ثم أتاه الثانية فقال : إن الله يأمرك أن تقرأ أمتك القرآن على حرفين فقال (أسأل الله معافاته ومغفرته، إن أمتي لا تطيق ذلك) ثم جاءه الثالثة فقال : إن الله يأمرك أن تقرأ أمتك القرآن على ثلاثة أحرف فقال (أسأل الله معافاته ومغفرته وأن أمتي لا تطيق ذلك، ثم جاءه الرابعة فقال : إن الله يأمرك أن تقرأ أمتك القرآن على سبعة أحرف، فأبما حرف قرءوا عاياه أصابوا⁹

Yang bermaksud :

Dari Ubai bin Ka'ab, ketika nabi SAW sedang berada di takungan air kepunyaan Bani Ghaffar, baginda telah didatangi oleh Malaikat Jibril dan berkata : Sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu membacakan al-Quran kepada umat kamu dengan satu huruf, maka nabi SAW menjawab (Aku mohon keampunan dan kemaafan kepada Allah SWT kerana umatku tidak mampu membaca dengan satu huruf itu). Kemudian Jibril datang kali kedua dan berkata : Sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu membacakan al-Quran kepada umat kamu

⁸ Sahih al-Bukhari, Kitab Fadail al-Quran, Bab Anzal al-Quran'ala Sab'ah Ahruf, nom. Hadis 4991.

⁹ Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin, Bab Bayan 'an al-Quran Unzil 'ala Sab'ah Ahruf, nom. Hadis 2179.

dengan dua huruf, maka nabi SAW menjawab (Aku mohon keampunan dan kemaafan kepada Allah SWT kerana umatku tidak mampu membaca dengan dua huruf itu). Kemudian Jibril datang kali ketiga dan berkata : Sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu membacakan al-Quran kepada umat kamu dengan tiga huruf, maka nabi SAW menjawab (Aku mohon keampunan dan kemaafan kepada Allah SWT kerana umatku tidak mampu membaca dengan tiga huruf itu). Kemudian Jibril datang kali keempat dan berkata : Sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu membacakan al-Quran kepada umat kamu dengan tujuh huruf, maka mana-man huruf pun yang kamu baca semuanya betul.

3. PERBEZAAN PANDANGAN ULAMA MENGENAI SAB'AH AHRUF

Terdapat banyak pandangan ulama mengenai maksud tujuh huruf sebagaimana yang dinyatakan dalam beberapa hadis yang lalu. Al-Suyuti menyatakan bahawa perbezaan ulama mencecah kepada lebih 40 pandangan.¹⁰

Terdapat dua pandangan, iaitu pandangan yang dikemukakan oleh Imam Fakhr al-Din al-Razi dan Imam al-Jazari merupakan antara pandangan yang menarik untuk dibincangkan, memandangkan kerana banyak aspek perbahasannya dilihat begitu hampir dengan perselisihan yang berlaku dalam qiraat.

3.1 Pandangan Imam Fakhr al-Din al-Razi, yang dimaksudkan dengan Sab'ah Ahruf adalah tujuh wajah yang berubah-ubah yang terjadi pada perselisihan qiraat.¹¹ Tujuh wajah tersebut ialah :

- (1) Perselisihan pada *Isim* (nama), sama ada ia dibaca secara mufrad atau jama'. Contohnya sebagaimana firman Allah SWT ¹²(والذين هم لأمتهم), terdapat qiraat yang membaca dengan *mufrad* dan terdapat juga yang membacanya dengan *jama'*.

¹⁰ Jalal al-Din Abd al-Rahman al-Suyuti (1987). Al-Itqan fi Ulum Al-Quran. Tah. Dr. Mustafa Dib al-Bugha. Juz. 1. Beirut : Dar Ibn Kathir, hlm. 145.

¹¹ Dr. Muhammad Salim Muhaisin (1989). Fi Rihab al-Quran. Juz 1. Beirut : Dar al-Jail, hlm. 248.

¹² Al-Quran, surah al-Mukminun : 8.

- (2) Perselisihan pada wajah *i'rab*. Contohnya sebagaimana firman Allah SWT ¹³ (فتلقى آدم من ربه كلمات فتاب عليه), terdapat qiraat yang membaca *dhammah* ada kalimah (ءادم) dan *kasratain* pada kalimah (كلمات), dan terdapat juga yang membaca dengan *fathah* pada (ءادم) dan *dhammatain* pada (كلمات).¹⁴
- (3) Perselisihan pada wajah *tasrif*. Contohnya pada firman Allah SWT رينا ¹⁵ (بعد), terdapat qiraat yang membaca dengan *fathah* Ba (رينا) dan tanpa Alif selepas Ba', *kasrah* dan *tasydid* (بعد), ada qiraat yang membaca dengan *dhammah* Ba' (رينا), dengan Alif selepas Ba dan *fathah* pada Ain, dan ada juga qiraat yang membaca dengan *Fathah* Ba' (رينا), dengan Alif selepas Ba' dan *kasrah* pada Ain.¹⁶
- (4) Perselisihan pada mendahulukan atau mengemudiankan (*al-taqdim wa al-Takhhir*). Ia boleh berlaku sama ada pada kalimah atau huruf. Contohnya kalimah ¹⁷ (استئیسوا), ada sebahagian qiraat yang membaca dengan (استأیسوا).¹⁸
- (5) Perselisihan pada penukaran huruf (*ibdal*). Contohnya seperti kalimah ¹⁹ (ننشرها), terdapat qiraat yang membacanya dengan huruf Ra' (ننشرها) ²⁰

¹³ Al-Quran, surah al-Baqarah : 37.

¹⁴ Al-Quran, surah al-Baqarah : 37.

¹⁵ Al-Quran, surah Saba' : 19.

¹⁶ Terdapat tiga cara bacaan iaitu Ibn Kathir, Abu Amru dan Hisyam, juga Ya'kub, serta baki Qurra'.

¹⁷ Al-Quran, surah Yusuf : 80.

¹⁸ Al-Bazzi dengan khilaf membaca dengan mendahulukan huruf Hamzah dan mentakakhirkan huruf Ya', sementara baki qurra' mendahulukan huruf Ya' dan mentakakhirkan huruf Hamzah.

¹⁹ Al-Quran, surah al-Baqarah : 259.

²⁰ Ibn Amir dan Kufiyyun memn baca dengan huruf Zai, sementara baki qurra' membaca dengan huruf Ra'.

- (6) Perselisihan sama ada menambah atau mengurang (*al-Ziyadah* atau *al-Nuqsan*). Contohnya pada firman Allah SWT ²¹(جنت تجري تحتها الأنهار), terdapat qiraat yang membaca dengan menambahkan huruf (من), dan terdapat qiraat yang lain membaca dengan mengurangkan atau membuang huruf tersebut.²²
- (7) Perselisihan pada lahjat, sama ada pada *tafkhim* atau *tarqiq* seperti kalimah (الصلوة), fathah atau *imalah* seperti kalimah (والضحى), izhar atau idgham seperti kalimah (فيه هدى) dan sebagainya.

Pandangan ini turut dipersetujui oleh ramai dalam kalangan ulama salaf dan khalaf. Antaranya ialah Ibn Qutaibah, al-Qadhi Abu al-Tayyib, al-Syeikh Muhammad Bakhit al-Muti'l, al-Syeikh Muhammad Abd al-Azim al-Zarqani dan ramai lagi yang lain. Sekiranya diperhatikan secara mendalam, sememangnya didapati bahawa pandangan ini sangat bertepatan dengan perselisihan qiraat dalam kalangan qurra' yang terdapat pada semua surah-surah dalam al-Quran.

3.2 Pandangan Imam Ibn al-Jazari, Tujuh Huruf ialah tujuh wajah perselisihan yang terjadi iaitu :

- (1) Perselisihan pada harakat (baris) tanpa perubahan pada makna dan surah (bentuk tulisan). Contohnya seperti (أيجسب), yang dibaca dengan fathah atau Kasrah huruf Sin.²³
- (2) Perselisihan pada makna tanpa berbeza pada huruf dan surah. Contohnya seperti ²⁴(فتلقى ءادم من ربه كلمات فباب عليه), terdapat qiraat yang membaca dhammah pada kalimah (ءادم) dan kasratain

²¹ Al-Quran, surah al-Taubah : 100.

²² Ibn Kathir membaca dengan menambahkan huruf(من), sementara qurra' lain membaca tanpa kalimah tersebut.

²³ Ibn Amir, Asim, Hamzah dan Abu Ja'far membaca dengan fathah Sin, sementara baki qurra' membaca dengan kasrah Sin. Lihat, Abd al-Fattah al-Qadi (1981), op. cit., hlm 343.

²⁴ Al-Quran, surah al-Baqarah : 37.

pada kalimah (كلمات), dan terdapat juga yang membaca dengan fathah pada (ءادم) dan dhammatain pada (كلمات).²⁵

- (3) Perselisihan pada huruf dan makna, tanpa berubah surah. Contohnya seperti (تتلوا) yang dibaca juga dengan (تبلوا)²⁶
- (4) Perselisihan pada huruf dan surah, tanpa berubah berubah makna. Contohnya seperti (الصرط), yang dibaca juga dengan huruf Sin dan Zai yang *diisymamkan*.²⁷
- (5) Perselisihan pada huruf, surah dan makna. Contohnya seperti (يأتل), yang dibaca juga dengan (يتأل)²⁸
- (6) Perselisihan pada mendahulukan atau mengkemudiankan (*al-Takdim* dan *al-Takakhir*). Contohnya seperti (وقاتلوا وقتلوا), yang dibaca juga dengan sebaliknya.²⁹

Penulis berpandangan bahawa antara dua pendapat tersebut, pendapat yang dikemukakan oleh al-Razi adalah lebih menyeluruh, manakala pendapat Ibn al-jazari terdapat sedikit kekurangan kerana beliau tidak memasukkan aspek *lahjah* dalam salah satu dari tujuh huruf tersebut, sedangkan aspek *lahjah* merupakan aspek yang paling banyak berlakunya khilaf dalam kalangan para qurra'.

²⁵ Ibn Kathir membaca dengan fathah(ءادم) dan dhammah(كلمت), sementara baki qurra' dengan dhammah(ءادم) dan kasrahtain. (كلمت) . Lihat, Jamal al-Din Muhammad Syaraf (2004). Op. cit., hlm. 6.

²⁶ Hamzah, al-Kisa'ie dan Khalaf Asyir membaca dengan dua huruf Ta' bersebelahan, sementara baki qurra' lain membaca dengan Ta' dan huruf Ba' selepasnya.

²⁷ Qunbul dan Ruwais membaca dengan huruf Sin, Khalaf Hamzah membaca dengan Zai yang *diisymamkan*, sementara baki qurra' membaca dengan huruf Sad. Lihat, Lihat, Jamal al-Din Muhammad Syaraf (2004). Op. cit., hlm. 1.

²⁸ Abu Ja'far membaca dengan (يتأل) dan baki qurra' membaca dengan(يأتل).

²⁹ Hamzah, al-Kisa'ie dan Khalaf Asyir membaca dengan mendahulukan maf'ul bih dan mengkemudiankan fa'il, sementara baki qurra' membaca sebaliknya.

4. KHILAF QIRAAT DALAM AL-QURAN

Terdapat pelbagai bentuk khilaf bacaan antara para qurra'. Namun para ulama membahagikan Khilaf tersebut kepada dua bahagian iaitu *Farsh al-Huruf* dan *Usul Qiraat*.

- 4.1. *Farsh al-Huruf* adalah khilaf yang terjadi pada kalimah-kalimah tertentu sahaja dalam al-Quran.³⁰ Dengan erti kata yang lain, sesuatu kalimah yang serupa akan dibaca dengan khilaf yang berbeza pada satu tempat dan berbeza pula pada tempat yang lain. Contohnya kalimah (ملك), dalam surah al-Fatihah, terjadi khilaf bacaan antara para Qurra' sama ada dibaca dengan *hazaf* atau *ithbat* Alif selepas huruf Mim,³¹ namun kalimah yang sama dalam surah al-Nas, tiada khilaf bacaan dalam kalangan Qurra'.
- 4.2. *Usul Qiraat* pula adalah khilaf yang terjadi pada hukum-hukum yang berlawanan dalam al-Quran di sebabkan kaedah-kaedah atau hukum-hukum yang tertentu.³² Dengan erti kata lain, khilaf yang terjadi pada semua kalimah al-Quran berdasarkan hukum-hukumnya yang tertentu. Termasuk dalam bahagian ini ialah hukum-hukum seperti *Mad Munfasil*, *Mad Muttasil*, *Idgham*, *Naqal*, *Ibdal*, *Imalah*, *Tarqiq Ra'*, *saktah* dan lain-lain lagi. Contohnya kalimah (جاء), sekiranya bertemu dengan kalimah-kalimah yang seumpamanya (huruf mad bertemu Hamzah dalam satu kalimah),³³ maka cara bacaan akan sama dengan contoh yang telah dikemukakan bagi semua qurra'.

Dari sudut *Ahruf Sab'ah* pula, sekiranya khilaf itu berlaku pada *Farsh al-Huruf*, maka terdapat berbagai-bagai huruf yang boleh dikategorikan padanya. Akan

³⁰ Sayyid Lasyin Abu al-Farh & Khalid bin Muhammad al-hafiz (2003). *Taqrib Al-Ma'ani Fi Syarh Hirz al-Amani fi al-Qiraat al-Sab'*. Madinah al-munawwarah : Dar al-Zaman, hlm. 184.

³¹ Dibaca dengan dengan *ithbat* Alif oleh Asim, al-Kisa'ie, Ya'kub dan Khalaf Asyir, sementara baki qurra' membaca dengan dengan *hazaf* Alif.

³² Ibid.

³³ Dibaca dengan *isyba'* oleh Warsh dan Hamzah, sementara qurra' lain membaca dengan *tawassut*.

tetapi, sekiranya khilaf itu berlaku pada *Usul Qiraat*, kebiasaannya *Sab'ah Ahruf* yang berkaitan hanyalah melibatkan *lahjah* sahaja. Contohnya khilaf bacaan yang melibatkan *imalah, taqlil, naqal, ibdal, tarqiq* dan *tafkhim, isymam* dan sebagainya, hanyalah di sebabkan *lahjah* yang berbeza dalam kalangan orang-orang Arab.

5. SAB'AH AHRUF DALAM SURAH AL-SAJDAH

Terdapat lebih kurang 133 kalimah dalam surah al-Sajdah yang menjadi perselisihan dalam kalangan Qurra' Asyarah. Berikut dinyatakan kalimah-kalimah tersebut, cara bacaannya dengan menisbahkan kepada qurra' berkaitan dan klasifikasinya dari Tujuh Huruf yang dibincangkan.³⁴

Bil	Kalimah	Cara Bacaan	Nama Qurra'	Tujuh Huruf
1.	الم	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Saktah</i> di antara setiap huruf. • Tanpa <i>saktah</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Abu Ja'far. • Baki Qurra' 	<i>Lahjah</i>
2.	فيه، افتراه، إليه، سواه، فيه	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Silah Ha' Dhamir.</i> • Tanpa <i>silah</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Ibn Kathir. • Baki Qurra' 	<i>Lahjah</i>
3.	افتراه، ترى	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Imalah</i> • <i>Taqlil</i> • <i>Fathah</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Hamzah, al-Kisa'ie, Khalaf Asyir dan Abu Amru. • Warsh. • Baki Qurra' 	<i>Lahjah</i>

³⁴ Jamal al-Din Muhammad Syaraf (2004). Op. cit., hlm. 415 - 417.

4.	لتندر، يدبر، كفرون، ذكروا، ذكر، ييصرون، منتظرون.	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Tarqiq Ra'</i>. • <i>Tafkhim Ra'</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Warsh. • Baki Qurra' 	<i>Lahjah</i>
5.	ما أتهم، مقداره ألف، الذى أحسن، وقالوا أئذا، ترى إذ، رينا أبصرنا، هذا إنا، ما أخفى، كلما أرادوا، أرادوا أن، منها أعيديا، عنها إنا، لبني إسرائيل، كفروا إيمانهم.	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Qasr</i>. • <i>Qasr</i> atau <i>Tawassut</i> • <i>Isyba'</i>. • <i>Tawassut</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Ibn Kathir, al-Susi, Abu Ja'far dan Ya'kub • Qalun dan al-Duri Abu Amru. • Warsh dan Hamzah. • Baki Qurra' 	<i>Lahjah</i>
6.	أتهم، لعلهم، ما لكم، هم، رهم، يتوفكم، بكم، ركم، رءوسهم، رهم، نسيتم، يومكم، نسينكم، رهم، وهم، جنوبهم، رهم، رزقهم، لهم، فلهم، لهم، كنتم، ولنذيقنهم، لعلهم، منهم، بينهم، يهدلهم، قبلهم، مسكنهم، أنعمهم، وأنفسهم، كنتم، إيمانهم، هم، عنهم، إنهم	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Silah Mim Jama'</i>. • Tanpa <i>Silah</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Qalun dan Abu Ja'far, serta Warsh sekiranya selepas Mim terdapat Hamzah Qata'. • Baki Qurra'. 	<i>Lahjah</i>
7.	والأرض، الأمر، الأرض، الإنسن، والأبصر، والأفئدة، فى الأرض، الأدى، الأكبر، إلى الأرض.	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Naqal</i>. • <i>Saktah</i>. • <i>Tahqiq</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Warsh. • Hamzah. • Baki Qurra' 	<i>Lahjah</i>
8.	أتاهم، يتوفاكم، استوى، هداها، تتحافى، الماوى، فماوأهم، والأدى،	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Imalah</i>. 	<ul style="list-style-type: none"> • Hamzah, al-Kisa'ie dan Khalaf Asyir. 	<i>Lahjah</i>

	سواه	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Taqil.</i> • <i>Fathah</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Warsh (khilaf). • Baki Qurra' 	
9.	من ولي، ولي ولا، سجدا وسبحوا، خوفا وطمعا، أن يخرجوا، أئمة يهدون.	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Tark al-Ghunnah.</i> • <i>Bi Ghunnah</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Khalaf Hamzah. • Baki Qurra' 	<i>Lahjah</i>
10.	الناس	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Imalah.</i> • <i>Fathah</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Duri Abu Amru. • Baki Qurra' 	<i>Lahjah</i>
11.	أخفي	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Sukun Ya'.</i> • <i>Fathah Ya'</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Hamzah dan Ya'kub. • Baki Qurra' 	Wajah <i>l'rab</i>
12	لما صبروا	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Kasrah Lam dan takhfif Mim.</i> • <i>Fathah Lam dan tasydid Mim.</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Hamzah , al-Kisa'ie dan Ruwais. • Baki Qurra'. 	<i>Ziyadah dan Nuqsan</i>
13.	شفيح أفلا، صلحا إنا، لأيات أفلا.	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Naqal.</i> • <i>Tahqiq.</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Warsh. • Baki Qurra'. 	<i>Lahjah</i>
14.	السماء، ماء، بلقاء، لقاء، جزاء، لقاءه، إسرائيل، الماء.	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Isyba'.</i> • <i>Tawassut.</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Warsh dan Hamzah. • Baki Qurra'. 	<i>Lahjah</i>
15.	السماء إلى، الماء إلى	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Tashil Hamzah pertama</i> • <i>Isqat Hamzah pertama.</i> • <i>Tashil Hamzah</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Qalun dan al-Bazzi. • Abu Amru. • Warsh, Qunbul, Abu Ja'far dan Ruwais. • Warsh dan 	<i>Lahjah</i>

		<p>kedua.</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Ibdal</i> Hamzah pertama kepada huruf mad. • <i>Tahqiq</i>. 	<p>Qunbul (wajah kedua).</p> <ul style="list-style-type: none"> • Baki Qurra'. 	
16	شيء	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Tawassut</i> atau <i>Isyba'</i>. • <i>Saktah</i>. • <i>Qasr</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Warsh. • Hamzah. • Baki Qurra'. 	<i>Lahjah</i>
17.	شيء خلقه	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Ikhfa'</i>. • <i>Izhar</i>. 	<ul style="list-style-type: none"> • Abu Ja'far. • Baki Qurra'. 	<i>Lahjah</i>
18.	خلقه	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Fathah Lam</i>. • <i>Sukun Lam</i>. 	<ul style="list-style-type: none"> • Nafi' dan Kufiyyun. • Baki Qurra'. 	Wajah <i>Tasrif</i>
19.	وجعل لكم، المحرمون ناكسوا، جهنم من، وقيل لهم، الأكبر لعلهم، أظلم ممن، وجعلناه هدى.	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Idgham Kabir</i>. • <i>Izhar</i>. 	<ul style="list-style-type: none"> • Al-Susi dan Ruwais. • Baki Qurra'. 	Lahjah
20.	أئذا، أؤنا، أؤمة	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Istifham</i> pertama dan <i>ikhbar</i> kedua. • <i>Ikhbar</i> pertama dan <i>istifham</i> kedua. • <i>Istifham</i> kedua-duanya 	<ul style="list-style-type: none"> • Nafi', Ya'kub dan al-Kisa'ie. • Ibn Amir dan Abu Ja'far. • Baki Qurra'. * Masing-masing 	<i>Lahjah</i>

			mengikut kaedah asal bacaannya sama ada tashil atautidak.	
21.	ترجعون	<ul style="list-style-type: none"> • Ha' Saktah (ketika wakaf). • Huruf Nun sukun ketika wakaf. 	<ul style="list-style-type: none"> • Ya'kub. • Baki Qurra'. 	Lahjah
22.	شئنا، يؤمن، مؤمنا، المأوى، فماوأهم، تأكل.	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Ibdal</i> huruf mad. • Tanpa <i>Ibdal</i> .(kekal Hamzah). 	<ul style="list-style-type: none"> • Warsh, al-Susi dan Abu Ja'far. • Baki Qurra'. 	Lahjah
23.	لأتينا، بئائنا، ءامنوا، بئائت، ءاتينا، بئائتنا، لأيت.	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Taslith al-Badal</i>. • Dua harkat <i>Mad Badal</i>. 	<ul style="list-style-type: none"> • Warsh. • Baki Qurra'. 	Lahjah

6. RUMUSAN

Daripada lebih kurang 133 kalimah yang diperselisihkan antara qura' yang terdapat dalam surah al-Sajdah, hanya terdapat 23 bentuk diperselisihkan yang melibatkan kedua-dua aspek *Usul Qiraat* dan *Farsh al-Huruf*. Daripada perselisihan-perselisihan tersebut juga, hanya tiga sahaja perselisihan yang termasuk dalam aspek *Farsh al-Huruf*, sementara 20 perselisihan yang lain adalah dari aspek *Usul Qiraat*.

Daripada perselisishan-perselisihan ini, maka jelas menunjukkan bahawa perselisihan yang terdapat dalam surah ini kebanyakannya adalah berkaitan dengan lahjah sahaja, iaitu satu daripada tujuh huruf penurunan al-Quran yang telah dinyatakan dalam hadis-hadis yang lalu, sementara tiga sahaja yang lain berkaitan wajah *Tasrif*, wajah *I'rab* dan *al-Ziyadah wa Nuqsan*. Ini bermakna, dalam surah al-Sajdah, hanya terdapat empat huruf sahaja daripada jumlah Tujuh Huruf penurunan al-Quran.

7. PENUTUP

Sebagai kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa Tujuh Huruf penurunan al-Quran itu tidak semestinya berlaku pada setiap surah al-Quran. Semakin banyak perselisihan berlaku terutamanya yang melibatkan *Farsh al-Huruf*, mungkin banyaklah huruf yang terdapat padanya, tetapi sekiranya ia hanya melibatkan aspek *Usul Qiraat* sahaja, maka sudah pastilah ia hanya berkaitan dengan satu huruf sahaja iaitu *lahjah*.

Begitulah perbincangan mengenai Tujuh Huruf penurunan al-Quran yang dikaitkan dengan surah-surah tertentu dalam al-Quran. Dapatan perbincangan akan menunjukkan jumlah huruf yang terdapat dalam setiap surah dan daripada pemerhatian yang penulis lakukan semua surah-surah dalam al-Quran pasti akan mempunyai sekurang-kurangnya satu daripada Tujuh Huruf tersebut, walaupun surah tersebut pendek, seperti surah al-Ikhlâs, al-Kauthar dan sebagainya.

Kajian-kajian seumpama ini perlu dilakukan kepada semua surah al-Quran bagi mengetahui jumlah huruf yang terdapat pada setiap 114 surah-surah tersebut.

RUJUKAN

- Abd al-Fattah al-Qadhi (1981). *Al-Budur al-Zahirah fi al-Qiraat al-Asyar al-Mutawatirah min Tariqai al-syatibiyah wa al-Durah*. Beirut : Dar al-Kitab al-Arabi.
- Syeikh Muhammad Kuraim Rajih (1994). *Al-Qiraat al-Asyar al-Mutawatirah min Tariqai al-Syatibiyah wa al-Durah fi Hamisy al-Quran al-Karim*. Cet. 3. Madinah al-Munawwarah : Dar al-Muhajir.
- Dr. Muhammad Salim Muhaisin (1988). *Al-mughni fi Taujih al-Qiraat al-Asyar al-Mutawatirah*. Cet. 2. Beirut : Dar al-Jail & Kaherah : Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah.
- Jamal al-Din Muhammad Syaraf (2006). *Mushaf Dar al-Sahabah fi al-Qiraat al-Asyar al-Mutawatirah min Tariq al-Syatibiyah wa al-Durrah*. Cet 2. Tanta : Dar al-Sahabah li al-Turath.
- Sayyid Laysyin Abu al-Farh, Dr. Khalid bin Muhammad al-Hafiz (2003). *Taqrib al-ma'ani fi Syarh Hirz al-Amani fi al-Qiraat al-Sab'*.Cet. 5. Madinah al-Munawwarah : Dar alZaman.
- Dr. Sya'ban Muhammad Ismail (2004). *Al-Qiraat Ahkamuha wa Masdaruha*. Cet. 3. Kaherah : Dar al-Salam.
- Dr. Sya'ban Muhammad Ismail (1978). *Ma' al-Quran al-Karim fi Tarikhih, Khasaisih, Ahkamih, Asrarih, Qiraatih, Adab Tilawatih, Nasikhah wa Mansukhih*. Kaherah : Dar al-Ittihad al-arabi li al-Tiba'ah.

Dr. Abduh al-Rajihi (t.t). *Al-Lahjat al-Arabiyyah fi al-Qiraat al-Quraniyyah*. Iskandariah : Dar al-Ma'rifah al-Jam'iyyah.

Manna' al-Qattan (1991). *Nuzul al-Quran 'ala Sab'ah Ahruf*. Kaherah : Maktabah Wahbah.

Dr. Muhammad Salim Muhaisin (1989). *Fi Rihab Al-Quran*. Beirut : Dar al-Jil.

Badr al-Din al-Zarkasyi (t.t). *Al-Burhan fi Ulum Al-Quran*. Kaherah : Dar al-Turath

Jalal al-Din Abd al-Rahman al-Suyuti (1987). *Al-Itqan fi Ulum Al-Quran*. Tah. Dr. Mustafa Dib al-Bugha. Juz. 1. Beirut : Dar Ibn Kathir.